



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000
Faks : 04-7001011/1068/1021
Helpdesk : 04-7352849/4012
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj. Kami : ANM/KD/OPS/G001 Jld.6(47)
Tarikh : 23 Mac 2022

Edaran seperti di Lampiran

Tuan,

**PEMURNIAN DATA PENJAWAT AWAM BAGI TUJUAN PELAKSANAAN
SEMAKAN TAMBAHAN (SECOND VALIDATION) PEMBAYARAN KERAJAAN**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia sedang melakukan pemurnian data bertujuan mengurangkan berlakunya "rejection" bayaran oleh pihak bank yang melibatkan pembayaran gaji dan lain-lain tuntutan.

3. Bersama-sama ini dilampirkan data daripada pihak bank bagi tujuan tersebut. Sehubungan itu, mohon kerjasama pihak tuan / puan untuk menyemak ketepatan data seperti di **Lampiran** dan membuat pengemaskinian sekiranya perlu di **PA 30**. Tindakan **SEGERA** oleh PTJ adalah seperti berikut:

- i. Nama pegawai yang dikunci masuk di dalam sistem HCM dan di penyata / buku Bank hendaklah diselaraskan;
- ii. No Akaun bank hendaklah dikemaskini mengikut bilangan digit yang terkini (**Jadual I**);
- iii. No kad pengenalan 12 digit;
- iv. Kemaskini data induk iGFMAS (Maklumat Pembekal);
- v. Menyediakan 1 sahaja SG20 (sekiranya perlu) dengan melampirkan senarai nama sebagai dokumen sokongan; dan

vi. Mengemukakan semula data (**Lampiran**) yang telah dikemaskini dan disahkan oleh Ketua Jabatan dan emel ke Unit Gaji (gaji_kdh@anm.gov.my) **pada / sebelum 7 April 2022.**

4. Kerjasama dan perhatian tuan / puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,


Norazlin binti Samad
Penolong Akauntan Tinggi W36
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Kedah
Tel : 04-700 1074